

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Agong sukacita kejayaan kerjasama Petronas di UAE

Agong sukacita kejayaan kerjasama Petronas di UAE

PETALING JAYA – Yang di-Per-tuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan sukacita atas kejayaan kerjasama sulung antara syarikat pengeluar minyak dan gas tempatan dengan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Seri Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, kerjasama Petronas Abu Dhabi Sdn. Bhd. dan Abu Dhabi National Oil Company (ADNOC) itu secara langsung mengiktiraf dan sekali lagi membuktikan keupayaan syarikat Malaysia bersaing di peringkat global.

"Selain itu, kejayaan kerjasama antara syarikat gergasi

pengeluar minyak dan gas negara dan Abu Dhabi itu juga secara langsung mencerminkan hubungan dua hala yang rapat antara Malaysia dan UAE di pelbagai peringkat, termasuk antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara dan hubungan sesama rakyat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Perjanjian bersejarah antara anak syarikat milik penuh Petronas dengan ADNOC itu memabitkan kerjasama meneroka dan menilai Blok 1 Luar Pesisir Bukan Konvensional yang meliputi kawasan konsesi 2,000 kilometer persegi di wilayah Al Dhafra.

Dalam pada itu, Seri Paduka baginda turut menzahirkan

harapan agar kerjasama itu akan membuka lembaran baharu kerjasama strategik dalam pelbagai sektor antara kedua-dua negara, termasuk sektor ekonomi demi kepentingan dan kemakmuran bersama.

Kata Ahmad Fadil, Al-Sultan Abdullah berkenan berangkat menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian antara Petronas Abu Dhabi Sdn. Bhd. dan ADNOC di Abu Dhabi, semalam.

Turut hadir, Presiden UAE Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan; Menteri Industri dan Teknologi Maju UAE merangkap Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif ADNOC, Dr Sultan Ahmed Al Jaber.



AL-SULTAN ABDULLAH (dua dari kiri) menyaksikan pemeteraian perjanjian antara Petronas Abu Dhabi Sdn. Bhd. dan ADNOC di Abu Dhabi, UAE semalam.